

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

**SEU323 - Ekonomi Kewangan**

Masa: [3 jam]

---

Arahan:

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab Soalan 1 dari Bahagian A (60 markah) dan mana-mana DUA (2) soalan dari Bahagian B (40 markah). Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.

**BAHAGIAN A (60 Markah)**

**Soalan 1**

Jawab semua soalan dari bahagian ini.

- a. Andaikan dua jenis logam, iaitu logam X dan logam Y digunakan untuk membuat duit syiling negara Fumakia. Andaikan 1500 unit logam X diperlukan untuk membuat duit syiling bernilai \$4.50 manakala bagi logam Y pula, 120 unit diperlukan untuk membuat duit syiling yang bernilai \$4.80. Di pasaran logam, 1 unit logam Y boleh ditukarkan kepada 15 unit logam X.

Mengikut Hukum Gresham, jenis duit syiling yang manakah akan beredar dalam ekonomi? Terangkan dan buktikan jawapan anda.

(15 markah)

b. Anda diberi maklumat seperti yang berikut:

Syarat nisbah berkanun = 10%  
Deposit = RM800 bilion

Matawang dalam edaran = RM200 bilion  
Rizab Berlebihan = RM50 bilion

Hitungkan:

i) Nilai pengganda wang, (m). (5 markah)

ii) Nilai jumlah rizab, (R). (5 markah)

Andaikan nilai wang kuasa tinggi, nisbah rizab berlebihan kepada deposit (ER/D) dan nisbah matawang kepada deposit (C/D) tidak berubah. Jika bank pusat meningkatkan syarat nisbah berkanun kepada 12%, hitungkan:

iii) Nilai baru pengganda wang. (5 markah)

iv) Nilai penawaran wang sempit, (M1). (5 markah)

v) Nilai baru matawang dalam edaran, (C). (6 markah)

vi) Nilai baru rizab berlebihan, (ER). (4 markah)

c. Salah satu kesimpulan utama model inventori Baumol-Tobin ialah permintaan wang untuk urusniaga adalah dipengaruhi oleh kadar bunga. Terangkan bagaimana model ini mencapai kesimpulan tersebut. (15 markah)

### BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja.

#### Soalan 2

“Perbelanjaan pelaburan sesebuah firma dipengaruhi oleh kadar bunga. Oleh itu, mekanisme transmisi kewangan ke atas perbelanjaan pelaburan firma adalah melalui saluran kadar bunga sahaja.” Bincangkan kesahihan pernyataan ini.


(20 markah)

**Soalan 3**

- a. Bincangkan secara kritikal pandangan Keynes and Klasik terhadap isu keneutralan wang. (12 markah)
- b. Keanjalan permintaan wang terhadap kadar bunga merupakan salah satu faktor penting yang dititikberatkan oleh ahli-ahli ekonomi dalam membincangkan isu mengenai keberkesanan dasar di antara dasar kewangan dan dasar fiskal. Bincangkan. (8 markah)

**Soalan 4**

- a. Dalam model pilihan kecairan portfolio Tobin, terangkan kenapakah keluk puas sama seseorang pengelak risiko mempunyai cerun positif dan berbentuk cekung seperti di bawah:



- (8 markah)
- b. Banyak pihak menganggap bahawa model spekulasi Tobin dikatakan adalah lebih baik daripada model permintaan wang motif spekulasi Keynes. Adakah pernyataan ini benar atau palsu? Huraikan jawapan anda. (12 markah)

**Soalan 5**

Pada akhir-akhir ini, terdapat dua tren baru dalam pelaksanaan dasar kewangan di kebanyakan negara, terutamanya di negara-negara maju. Tren-tren ini ialah mengenai (a) dasar mengamalkan sasaran inflasi, dan (b) isu pengasingan bidang kuasa bank pusat dari campurtangan pihak kerajaan. Bincangkan kenapa kedua-dua isu ini telah diberi perhatian dalam perkembangan dasar kewangan masa kini. (20 markah)